



MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN PENGISIAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak sahaja) termasuk Pegawai-Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dan layak untuk mengisi kekosongan jawatan iaitu:-

1. JAWATAN : PELUKIS PELAN GRED JA19

STATUS : KONTRAK/ TETAP

KLASIFIKASI : KEJURUTERAAN

JADUAL GAJI : GRED JA19

MINIMUM -RM1,377.00

MAKSIMUM -RM4,052.00

KENAIKAN TAHUNAN -RM100.00

SYARAT LANTIKAN : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) warganegara Malaysia (keutamaan Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak);
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PELUKIS PELAN GRED JA19

- c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual, Lukisan Geometri atau Lukisan Kejuruteraan pada peringkat peperiksaan tersebut.

*(Gaji Permulaan ialah pada: JA 19: RM1,377.00);
atau*

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*(Gaji permulaan ialah pada: JA 19: RM1,435.12);
atau*

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada: JA 19: RM1,493.24).

- (iv) Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai kemahiran dalam perisian **GIS/ AUTO CAD/ SKETCHUP**

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

3. Bertanggungjawab melukis, menyurih pelbagai pelan berkaitan lukisan arkitek, rangka bina, perspektif, rajah pembentukan besi, keratan rentas, kontur dan lain-lain berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**SYARAT-SYARAT
BERKAITAN**

5. seperti *Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2016.*

PERMOHONAN

Semua permohonan hendaklah melalui laman web Majlis Perbandaran Teluk Intan iaitu di (www.mpti.gov.my)

**PEMAKAIAN DI BAWAH SYARAT- SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN-
KEMUDAHAN**

1. Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya samada dibatalkan, diganti atau dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.
2. Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- i. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini.
- ii. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup adalah dianggap tidak berjaya.
- iii. Permohonan yang lewat atau tidak menurut peraturan di atas akan ditolak.
- iv. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
- v. Salinan Semakan Pengiktirafan Kelayakan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam bagi permohonan jawatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA19. (Semakan melalui <http://pengiktirafan.jpa.gov.my>)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada **04 SEPTEMBER 2023**